

D406

R B453 DEB
LEE - MAHATHIR R'R'R'

I

SINGAPURA, 27 OGOS (BERNAMA) -- SINGAPURA KINI MENIKMATI KERJASAMA LEBIH RAPAT DENGAN MALAYSIA KERANA KEPIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, KATA PERDANA MENTERI LEE KUAN YEW.

SEBAGAI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMPUNYAI KEKUATAN UNTUK MENGATASI MASALAH EMOSI SESETENGAH AHLI POLITIK DAN PEGAWAI MALAYSIA AKIBAT PEHISAHAN REPUBLIK ITU DARI MALAYSIA, KATA ENCIK LEE.

+ITULAH YANG MEMBOLEHKAN KERJASAMA INI DIADAKAN. BELIAU (DR MAHATHIR) MEHBERIKAN KEPADA SAYA DAN KEPADA SINGAPURA KEBENARAN, YANG TIDAK PERNAH DIPERSETUJUI OLEH PERDANA MENTERI LAIN, BAHAWA KITA BOLEH BERURUSAN TERUS DENGAN MANA-MANA KERAJAAN NEGERI.

+INI JUGA HEMBOLEHKAN KITA MEWUJUDKAN LALUAN TERUS KE JOHOR, KE PULAU PINANG. SEKARANG, GOH CHOK TONG BERHARAP, TERUS KE KUANTAN (PAHANG), YANG SEMEMANGNYA BAIK,+ KATANYA DALAM UCAPAN PERHIMPUNAN HARI KEBANGSAAN SELAMA TIGA JAM DI TEATER KALLANG MALAM TADI.

MENURUT ENCIK LEE, APABILA DR MAHATHIR BERKATA PRESIDEN SUHARTO MENYOKONG PEMBANGUNAN SEGI TIGA (MEMBABITKAN RIAU, SINGAPURA DAN JOHOR) DAN BELIAU TIDAK MEMBANTAH, ITU MERUPAKAN SATU KEDUDUKAN YANG PENTING. -- LAGI.

1313MST 27 08 90

0407

R B454 DEB
LEE - MAHATHIR 2 SINGAPURA R'R'R'

+YANG BERMAKNA BELIAU BERSEDIA MELIHAT JOHOR MAJU, MENGATASI NEGERINYA SENDIRI, KEDAH. KERANA APABILA IA (JOHOR) DIHUBUNGKAN DENGAN SINGAPURA, IA BERGERAK DENGAN LEBIH PANTAS.

+SAYA MENYAMBUK BAIK KENYATAAN ITU. SAYA TAHU BELIAU TEGAS DALAM SESUATU RUNDINGAN. SAYA MENGETAHUINYA BERDASARKAN PENGALAMAN. TETAPS SAYA JUGA TAHU BELIAU MENEPATI APA YANG DIKATAKANNYA,+ KATA ENCIK LEE MENGENAI DR MAHATHIR.

ENCIK LEE MENYIFATKAN KENYATAAN DR MAHATHIR MENGENAI PEMBANGUNAN SEGI TIGA DI UTARA -- MELIBATKAN UTARA MALAYSIA, UTARA SUMATRA DAN SELATAN THAILAND -- SEBAGAI SATU LAGI PENCAPAIAN DALAM PEMIKIRAN.

DALAM UCAPANNYA ITU, YANG DILAKUKAN DALAM BAHASA MELAYU, MANDARIN DAN INGGERIS, ENCIK LEE MERAMALKAN BAHAWA DALAM MASA 40 TAHUN LAGI SINGAPURA TIDAK AKAN MENDAPAT PEKERJA LAGI DARI MALAYSIA ATAU THAILAND DAN SETERUSNYA DALAM TEMPOH 15 TAHUN, TIDAK LAGI DARI INDONESIA.

KATANYA, PROSPEK DI RANTAU INI MEMBERANGSANGKAN, KHUSUSNYA BAGI THAILAND, MALAYSIA DAN INDONESIA.

+SAYA RASA THAILAND DAN MALAYSIA SUDAH BERGERAK MAJU, INDONESIA AKAN MENGIKUTI TIDAK LANA LAGI,+ KATA ENCIK LEE. -- LAGI.

1315MST 27 08 90

ENCIK LEE, YANG BERUCAP BERUCAP SEBAGAI PERDANA MENTERI BUAT KALI TERAKHIR PADA PERHIMPUNAN HARI KEBANGSAAN, BERKATA BAHAWA THAILAND, MALAYSIA DAN INDONESIA TELAH MENYESUAIKAN DASAR-DASAR MEREKA DAN PELABURAN JEPUN KINI MEMASUKI NEGARA-NEGARA ITU DENGAN PESAT, DIKUTI OLEH PELABUR AMERIKA.

+IA AKAN MENJADI SEBUAH ASIA TENGGARA YANG BERBEZA JIKA NEGARA-NEGARA INDOCHINA - VIETNAM, KEMBOJA, LAOS - TURUT MENYERTAP PERJUMBUHAN ITU. DENGAN PERTUMBUHAN BERSAMA, KETEGANGAN AKAN BERKURANGAN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, SINGAPURA BOLEH MEMBANTU DENGAN MENGGALAKKAN PELABURAN BERSILANG, IAITU TURUT TERLIBAT DALAM EKONOMI ANTARA SATU SAMA LAIN.

SINGAPURA PERCAYA NEGARA-NEGARA BERKENAAN AKAN MEMBANGUN DAN IA AKAN MELABUR DALAM PASARAN SAHAM MEREKA, KATANYA.

+SUDAH TENTU MALAYSIA. MUNGKIN APABILA PASARAN TURUN LAGI, KITA AKAN MEMBELI LEBIH BANYAK KERANA KITA FIKIR IA AKAN NAIK. AKHIRNYA, DI THAILAND DAN INDONESIA, SETELAH KRISIS TELUK TAMAT.+ -- LAGI.

1325MST 27 08 90

ENCIK LEE BERKATA, MELALUI SUASANA KERJASAMA DI ASEAN, TERUTAMA ANTARA DUA JIRAN TERDEKAT SINGAPURA, MALAYSIA DAN INDONESIA, KEYAKINAN PELABUR AKAN MENINGKAT DAN KADAR PELABURAN DI KETIGA-TIGA NEGARA AKAN BERTAMBAH.

+IA TELAH MENGAMBIL MASA 25 TAHUN TETAPI KITA MEMPUNYAI ASAS BAGI SATU HUBUNGAN YANG MANTAP DENGAN MALAYSIA DAN INDONESIA, LA TIDAK BERMAKNA KITA TIDAK AKAN MEMPUNYAI MASALAH.

+IA TIDAK BERMAKNA ANDA TIDAK AKAN MEMBACA DALAM AKHBAR TENTANG SESEORANG YANG BERKATA BAHAWA KITA CUBA MENJEJASKAN PERDAGANGAN PELANCONGAN MEREKA. KENAPA, SAYA TIDAK TAHU,+ KATA ENCIK LEE,

BELIAU BERKATA, IA TIDAK BERMAKNA TIDAK AKAN BERLAKU LAGI PENEMUAN YANG MENAKJUBKAN BEKALAN MAKANAN ANGKATAN TENTERA SINGAPURA (SAF) DI GUNUNG LEDANG.

+APA YANG HENDAK DICARI OLEH SAF? JENTERA RAHSIA ATAU TELESKOP DI GUNUNG LEDANG? SAYA MESTI TANYA MEREKA. MUNGKIN ADA POKOK MISTERI DI SANA. MENGAPA KITA PERLU MEMERIKSA KAWASAN ITU?+ -- LAGI.

1345MST 27 08 90

R B466 DEB

LEE - MAHATHIR 5 SINGAPURA R'R'R'

+TETAPI KITA MESTI HEMBIASAKAN DIRI DENGAN KEADAAN ITU. SAYA TELAH MEMBIASAKAN DIRI DENGANNYA. DAN LEBIH BANYAK LAGI, KEADAAN SEUMPAMA ITU AKAN BERLAKU,+ KATANYA.

TETAPI, TAMBAH BELIAU, SETIAP KALI PERKARA SEUMPAMA ITU BERLAKU, SESETENGAH ORANG MUNGKIN MENGANGGAPNYA SERIUS WALAUPUN SINGAPURA TIDAK MENGANGGAPNYA SERIUS. SINGAPURA AKAN MENGELUARKAN KENYATAAN YANG SESUAI.

+APA PERLUNYA SID, YANG MERUPAKAN BAHAGIAN RISIKAN LUAR ATAU RISIKAN KETENTERAAN, MAHU MENGHANTAR ANGGOTA KE GUNUNG LEDANG? APAKAH NILAI KETENTERAANNYA?+

ENCIK LEE JUGA MENYENTUH MENGENAI KENYATAAN MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT DI JOHOR BAHRU. PADA HARI SABTU BAHAWA PERLU ADA PERSEFAHAMAN ANTARA SINGAPURA DAN MALAYSIA.

+PERKARA INI, DATANGNYA DARIPADA BELIAU YANG SELAMA INI MEMPUNYAI PENDEKATAN YANG KRITIKAL TERHADAP KEGIATAN, SIKAP DAN DASAR-DASAR SINGAPURA, BAGI SAYA MERUPAKAN SATU PERKEMBANGAN SEBENAR, DAN SAYA MENYAMBUK BAIK KENYATAAN ITU.+ -- BERNAMA.

1355MST 27 08 90